

19/02/2003

Nilai dagang Malaysia, NAM menggalakkan

KUALA LUMPUR: Pertumbuhan perdagangan antara Malaysia dengan negara anggota Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dalam tempoh satu dekad

lalu amat menggalakkan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata jumlah keseluruhan perdagangan meningkat daripada RM61 bilion pada 1992 kepada RM194.7 bilion tahun lalu.

"Eksport pada 2002 dinilaikan RM115.4 bilion, manakala import pula pada RM79.3 bilion," katanya pada majlis perasmian Showcase Malaysia 2003 dan Malaysia Tourism Fair 2003 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) semalam.

Perasmian disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Hadir sama Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Rafidah berkata, acara sempena Sidang Kemuncak NAM yang bermula esok sehingga Selasa depan bertujuan mempertingkatkan jalinan perniagaan dan pelancongan di kalangan negara anggota.

Katanya, lebih 500 syarikat mengambil bahagian dalam pameran yang terdiri daripada empat komponen utama, iaitu gaya hidup, produk dan perkhidmatan, jenama Malaysia dan astaka syarikat individu.

"Badan korporat utama Malaysia seperti Petronas, Proton, Telekom Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Multimedia membuka astaka bagi menunjukkan aktiviti, produk dan perkhidmatan masing-masing," katanya.

Rafidah berkata, Malaysia Tourism Fair 2003 pula dianjurkan bagi membolehkan delegasi NAM melihat warisan kebudayaan Malaysia menerusi persembahan kraftangan, lagu, tarian dan muzik tradisional.

Mereka juga boleh mendapatkan maklumat mengenai destinasi pelancongan di

Malaysia serta produk pelancongan berkaitan pada acara yang disertai lebih

59 badan berkaitan itu.

"Persediaan juga dibuat bagi memastikan anggota delegasi menikmati pengalaman yang indah dan tidak dapat dilupakan ketika di Malaysia," katanya.